

Register your product and get support at
www.philips.com/welcome

BDP2980




User manual	7	Manual pengguna	41
使用手冊	25	คู่มือผู้ใช้	63


PHILIPS



- EN Before you connect this Blu-ray disc/ DVD player, read and understand all accompanying instructions.
- ZH-HK 在您接駁此 Blu-ray disc/ DVD 播放機之前，請閱讀及明白所有相關指引。
- MS-MY Sebelum anda menyambungkan cakera Blu-ray/ pemain DVD ini, baca dan fahamkan arahan yang disertakan.
- TH ก่อนจะเชื่อมต่อแผ่นดิสก์ Blu-ray /เครื่องเล่น DVD อ่านและทำความเข้าใจคำแนะนำทั้งหมดที่แนบมา





1




2




HDMI




COAXIAL




3



4



5



6



2

BD/BD 3D
DVD/VCD/CD
DivX Plus HD/MKV
MP3 / JPEG

1



3




4



USB

1



2



3



Daftar kandungan

1	Sambung dan main	2-6
----------	-------------------------	-----

2	Gunakan cakera Blu-ray/ pemain DVD anda	42
	Kawalan mainan asas	42
	Pilihan video, audio, dan gambar	43
	Video DivX	44
	fail RMVB atau RM	44
	Main pertunjukan slaid muzik	44
	Bonus View pada Blu-ray	45
	BD-Live pada Blu-ray	45
	Mainkan video 3D Blu-ray	45
	Sediakan rangkaian	45
	Gunakan Pautan Mudah Philips	46

3	Tukar tetapan	47
	Gambar	47
	Bunyi	48
	Rangkaian (pemasangan, status...)	48
	Keutamaan (bahasa, kawalan ibu bapa...)	48
	Pilihan lanjutan (kosongkan memori...)	49

4	Kemas kinikan perisian	50
	Kemas kini perisian melalui Internet	50
	Kemas kinikan perisian melalui USB	50

5	Spesifikasi	51
----------	--------------------	----


6	Menyelesaikan masalah	52
----------	------------------------------	----

7	Notis keselamatan penting	54
----------	----------------------------------	----

2 Gunakan cakera Blu-ray/ pemain DVD anda

Tahniah atas pembelian anda dan selamat menggunakan Philips! Untuk mendapat faedah sepenuhnya daripada sokongan yang ditawarkan oleh Philips (seperti peningkatan perisian produk), daftarkan produk anda di www.philips.com/welcome.

Kawalan mainan asas




Semasa memainkan, tekan butang berikut untuk mengawal.

Butang	Tindakan
	Hidupkan pemain atau tukar kepada mod siap sedia.
	Akses menu utama.
SUBTITLE	Pilih bahasa sari kata.
AUDIO	Pilih bahasa atau saluran audio.
DISC MENU / POP-UP MENU	Akses atau keluar daripada menu cakera.
TOP MENU	Akses menu utama cakera video.
	<p>Navigasi menu.</p> <p>Tekan untuk memutar gambar mengikut arah jam atau melawan arah jam semasa tayangan slaid.</p>
OK	Sahkan pemilihan atau entri.
	Kembali ke menu paparan sebelumnya.
	Akses lebih banyak pilihan sepanjang mainan.
	Hentikan main.
	Mulakan atau sambung semula main.
	<p>Jedakan main.</p> <p>Tekan berulang kali untuk main perlahan ke hadapan bingkai demi bingkai.</p>
	Buka atau tutup petak cakera.
	Langkau ke trek sebelum atau seterusnya, bab atau fail.
	<p>Undur atau mara dengan laju.</p> <p>Tekan berulang kali untuk menukar kelajuan carian.</p> <p>Tekan sekali, dan kemudian tekan untuk main perlahan ke hadapan.</p>
Butang berwarna	Pilih tugasan atau pilihan bagi cakera Blu-ray.

Pilihan video, audio, dan gambar

Lebih banyak pilihan tersedia bagi mainan video atau gambar daripada cakera atau peranti USB.

Pilihan video



Akses lebih banyak pilihan sepanjang mainan video.


- **[Bahasa audio]:** Pilih bahasa audio.
- **[Bahasa sari kata]:** Pilih bahasa sari kata.
- **[Anjakan sari kata]:** Ubah kedudukan sari kata pada skrin. Tekan ▲ ▼ untuk melaraskan kedudukan sari kata.
- **[Maklumat]:** Paparkan maklumat mainan.
- **[Set aksara]:** Pilih set aksara yang menyokong sari kata video DivX (hanya bagi video DivX sahaja).
- **[Carian masa]:** Langkau ke masa tertentu melalui butang nombor pada alat kawalan jauh.
- **[Bahasa audio ke-2]:** Pilih bahasa audio kedua (hanya bagi cakera Blu-ray yang menyokong BonusView).
- **[Bahasa sari kata ke-2]:** Pilih bahasa sari kata kedua (hanya bagi cakera Blu-ray yang menyokong BonusView).
- **[Tajuk]:** Pilih tajuk.
- **[Bab]:** Pilih bab.
- **[Senarai sudut]:** Pilih sudut kamera.
- **[Menu]:** Paparkan menu cakera.
- **[Pilihan PIP]:** Paparkan tettingkap gambar dalam gambar. (hanya bagi cakera Blu-ray yang menyokong BonusView).
- **[Zoom]:** Zum ke dalam gambar video. Tekan ◀▶ untuk memilih faktor zum.
- **[Ulang]:** Ulangi bab atau tajuk.

- **[Ulang A-B]:** Tandakan dua titik dalam suatu bab untuk ulangan mainan, atau matikan mod ulangan.
- **[Tetapan gambar]:** Pilih tetapan warna yang dipraktakrifkan.

Catatan

- Pilihan video yang tersedia bergantung kepada sumber video.


Pilihan gambar



Akses lebih banyak pilihan semasa tayangan slaid.

- **[Putar +90]:** Putar gambar 90 darjah mengikut arah jam.
- **[Putar -90]:** Putar gambar 90 darjah melawan arah jam.
- **[Zoom]:** Zum ke dalam gambar. Tekan ◀▶ untuk memilih faktor zum.
- **[Maklumat]:** Paparkan maklumat gambar.
- **[Tempoh setiap slaid]:** Tetapkan selang masa paparan bagi tayangan slaid.
- **[Animasi slaid]:** Pilih kesan peralihan bagi tayangan slaid.
- **[Tetapan gambar]:** Pilih tetapan warna yang dipraktakrifkan.
- **[Ulang]:** Ulang folder yang dipilih.

Pilihan audio




Tekan ≡ berulang kali untuk beralih antara fungsi-fungsi berikut.

- Ulang trek semasa.
- Ulangi semua trek pada cakera atau folder.
- Mainkan trek audio dalam gelung rawak.
- Matikan mod ulangan.


Video DivX

Anda boleh mainkan video DivX daripada cakera, atau peranti storan USB.

Kod VOD bagi DivX

- Sebelum membeli video DivX dan memainkannya pada pemain ini, daftarkan pemain ini di www.divx.com menggunakan kod DivX VOD.
- Paparkan kod DivX VOD: tekan , dan pilih **[Persediaan]** > **[Lanjutan]** > **[Kod VOD DivX®]**.

sari kata DivX

- Tekan **SUBTITLE** untuk memilih bahasa.
- Jika sari kata tidak terpapar dengan betul, tukar set aksara yang menyokong sari kata DivX. Pilih set aksara: tekan , dan pilih **[Set aksara]**.

Set aksara	Bahasa
[Standard]	Inggeris, Albania, Denmark, Belanda, Finland, Perancis, Gaelic, Jerman, Itali, Kurdistan (Latin), Norway, Portugis, Sepanyol, Sweden dan Turki
[Bahasa China]	Cina Mudah
[Bahasa China-Tradisional]	Cina Tradisional
[Bahasa Korea]	Inggeris dan Korea

Catatan

- Untuk menggunakan sari kata, pastikan fail sari kata mempunyai nama yang sama dengan fail video DivX. Misalnya, jika video DivX dinamakan "movie.avi", simpan fail sari kata sebagai "movie.srt" atau "movie.sub".
- Pemain ini dapat memainkan fail sari kata dalam format berikut: .srt, .sub, .txt, .ssa, dan .smi.

fail RMVB atau RM




Anda boleh memainkan fail RMVB atau RM daripada cakera atau peranti storan USB. Fail Real Media Variable Bitrate (RMVB) dan RealMedia (RM) mengandungi kedua-dua audio dan video. Anda boleh menyalin fail RMVB atau RM daripada komputer anda ke dalam cakera boleh rakam atau peranti storan USB. Dan mainkannya daripada pemain ini.

Catatan

- Pastikan bahawa sambungan fail adalah ".RMVB" atau ".RM".

Main pertunjukan slaid muzik


Main muzik dan gambar secara serentak untuk membuat pertunjukan slaid muzik.

- 1 Dari cakera atau peranti storan USB yang bersambung, mainkan fail muzik.
- 2 Tekan , dan pergi ke folder gambar.
- 3 Pilih gambar dari cakera yang sama atau USB, dan tekan **OK** untuk memulakan tayangan slaid.
- 4 Tekan  untuk menghentikan pertunjukan slaid.
- 5 Tekan  sekali lagi untuk menghentikan mainan muzik.

Bonus View pada Blu-ray

Tonton kandungan khas (seperti komentar) dalam tetingkap skrin kecil.



Ciri ini hanya berlaku bagi cakera Blu-ray yang serasi dengan BonusView (juga dikenali sebagai gambar dalam gambar).

- 1 Semasa mainan, tekan .
↳ Menu pilihan dipaparkan.
- 2 Pilih **[Pilihan PIP] > [PIP]**, kemudian tekan **OK**.
↳ Pilihan PIP [1]/[2] bergantung kepada kandungan video.
↳ Tetingkap video yang kedua dipaparkan.
- 3 Pilih **[Bahasa audio ke-2]** atau **[Bahasa sari kata ke-2]**, dan tekan **OK**.

BD-Live pada Blu-ray

Akses perkhidmatan dalam talian yang eksklusif, seperti gazet filem, permainan, nada dering dan kandungan bonus yang lain.

Ciri ini hanya berlaku bagi cakera Blu-ray yang berdaya BD-Live.

- 1 Sediakan sambungan Internet dan sediakan rangkaian (lihat "Sediakan rangkaian").
- 2 Sambung peranti storan USB pada penyambung  (USB) pada pemain ini.
 - Peranti storan USB digunakan untuk menyimpan kandungan BD-Live yang dimuat turun.
 - Jika anda menyambungkan pemain ini ke Internet melalui penyesuai USB Wi-Fi (dijual berasingan), sambung hab USB (tidak dibekalkan) kepada pemain ini untuk menyediakan berbilang pangkalan USB.
 - Untuk memadam BD-Live yang dimuat turun sebelumnya pada peranti storan USB untuk membebaskan ruang memori, tekan  dan pilih **[Persediaan] > [Lanjutan] > [Kosongkan memori]**.

- 3 Mainkan cakera yang berdaya BD-Live.
- 4 Pada menu cakera, pilih ikon BD-Live, dan tekan **OK**.
↳ BD-Live mula dimuatkan. Masa memuat bergantung pada cakera dan sambungan Internet.
- 5 Pada antara muka BD-Live, pilih item yang hendak diakses.





Catatan

- Perkhidmatan BD-Live berbeza mengikut cakera dan negara.
- Apabila anda menggunakan BD-Live, data pada cakera dan pemain ini diakses oleh pembekal kandungan.
- Gunakan peranti storan USB dengan sekurang-kurangnya 1GB ruang bebas untuk menyimpan yang dimuat turun.
- Jika hab USB digunakan bersama dengan pemain ini, jangan bebaskan hab USB dengan terlalu banyak peranti untuk mengelakkan kuasa USB yang tidak mencukupi.

Mainkan video 3D Blu-ray

Apa yang anda perlukan

- TV patuh 3D
- Pemain ini disambungkan ke TV melalui HDMI
- Kaca mata 3D yang serasi dengan TV

- 1 Pastikan bahawa output 3D dihidupkan: tekan  dan pilih **[Persediaan] > [Video] > [Tonton video 3D] > [Auto]**.
- 2 Mainkan video 3D Blu-ray.
- 3 Pakai kaca mata 3D untuk kesan 3D.
 - Untuk memainkan video 3D dalam 2D, matikan output 3D Blu-ray (tekan  dan pilih **[Persediaan] > [Video] > [Tonton video 3D] > [Mati]**).

Sediakan rangkaian


Sambung pemain ini kepada Internet untuk mengakses perkhidmatan:

- **BD-Live:** akses ciri-ciri bonus dalam talian (hanya berlaku bagi cakera Blu-ray yang berdaya BD-Live)
- **Kemas kini perisian:** kemas kini perisian pemain ini melalui Internet.


Catatan

- Untuk sambungan tanpa wayar, anda perlu menggunakan penyesuai opsyenal Wi-Fi USB Philips (yang dinamakan WUB1110).
- Penyesuai Wi-Fi USB (WUB1110) tidak disertakan. Untuk membeli penyesuai ini, lawati shop.philips.com. Jika kedai dalam talian Philips tidak tersedia di negara anda, sila hubungi perkhidmatan pelanggan Philips. Untuk butiran hubungan, pergi ke www.philips.com/support.

- 1 Sambung pemain ini kepada Internet melalui sambungan berwayar (Ethernet) atau wayarles.
 - Untuk sambungan berwayar, sambung kabel rangkaian (tidak dibekalkan) ke pangkalan **LAN** di panel belakang pemain ini.



- Bagi Wi-Fi, sambung penyesuai Wi-Fi USB Philips (yang dinamakan WUB1110) kepada **(USB)** penyambung pada panel hadapan pemain ini.



2 Lakukan pemasangan rangkaian.

- 1) Tekan **⬆**.
- 2) Pilih **[Persediaan]**, dan tekan **OK**.
- 3) Pilih **[Rangkaian] > [Pemasangan rangkaian]**, dan tekan **OK**.
- 4) Ikut arahan pada skrin TV untuk menyelesaikan pemasangan. Jika perlu, gunakan butang abjad angka pada unit kawalan jauh untuk memasukkan kata laluan.

! Awas

- Sebelum anda menyambung kepada rangkaian, biasakan diri anda dengan penghalang rangkaian, dan prinsip perangkaian. Jika perlu, baca dokumentasi yang disertakan bersama komponen rangkaian. Philips tidak bertanggungjawab atas data yang hilang, rosak atau tercemar.

Gunakan Pautan Mudah Philips

Pemain ini menyokong EasyLink Philips, yang menggunakan protokol HDMI CEC (Kawalan Elektronik Pengguna). Anda boleh menggunakan alat kawalan jauh yang sama untuk mengawal peranti yang patuh EasyLink yang bersambung melalui HDMI. Philips tidak menjamin 100% kesalingfungsian dengan semua peranti HDMI CEC.

- 1 Sambung peranti yang mematuhi HDMI CEC melalui HDMI, dan hidupkan operasi HDMI CEC pada TV dan peranti lain yang bersambung (lihat manual pengguna TV atau peranti lain untuk maklumat lanjut).
- 2 Tekan **▲**.
- 3 Pilih **[Persediaan]> [EasyLink]**.
- 4 Pilih **[Hidup]** di bawah pilihan: **[EasyLink]**, **[Main Satu Sentuhan]** dan **[Siap Sedia Satu Sentuhan]**.
↳ Fungsi EasyLink dihidupkan.

Mainan Satu Sentuhan


Apabila anda memainkan cakera pada pemain ini, TV secara automatik akan beralih kepada sumber input video yang betul.

Siap Sedia Satu Sentuhan

Apabila peranti yang bersambung (seperti TV) diletakkan pada keadaan siap sedia dengan alat kawalan jauhnya sendiri, pemain ini akan berada pada keadaan siap sedia secara automatik.

3 Tukar tetapan

Bahagian ini membantu anda mengubah tetapan pemain ini.



☰ Catatan

- Anda tidak boleh mengubah tetapan yang dikelabukan.
- Untuk kembali ke menu sebelumnya, tekan **↶**. Untuk keluar daripada menu, tekan **▲**.

Gambar

- 1 Tekan **▲**.
- 2 Pilih **[Persediaan] > [Video]** untuk mengakses pilihan persediaan video.
 - **[Paparannya TV]:** Pilih format paparan gambar yang muat pada skrin TV.
 - **[Video HDMI]:** Pilih resolusi video HDMI.
 - **[HDMI Deep Color]:** Paparkan warna dengan lebih banyak nada apabila kandungan video dirakam dalam Deep Color, dan TV menyokong ciri ini.
 - **[Tetapan gambar]:** Pilih tetapan warna yang dipraktikkan.
 - **[Tonton video 3D]:** Tetapkan kepada output 3D atau 2D apabila memainkan cakera 3D Blu-ray, Teater rumah

hendaklah disambungkan ke TV 3D melalui HDMI.



Catatan

- Jika anda hendak menukar tetapan, pastikan bahawa TV menyokong tetapan baru ini.

Bunyi

- 1 Tekan
- 2 Pilih **[Persediaan]** > **[Audio]** untuk mengakses pilihan persediaan audio.
 - **[Mod malam]**: Pilih bunyi diam atau dinamik penuh. Mod malam mengurangkan kelantangan bunyi yang kuat dan menaikkan kelantangan bunyi yang lembut (seperti pertuturan).
 - **[Audio HDMI]**: Tetapkan format audio HDMI apabila pemain ini disambung melalui HDMI.
 - **[Audio Digital]**: Pilih format audio bagi output bunyi apabila pemain ini disambung melalui penyambung digital (sepaksi).
 - **[Pensampelturunan PCM]**: Tetapkan kadar pensampelan bagi output audio PCM apabila pemain ini disambung melalui penyambung digital (sepaksi).



Catatan

- Mod malam hanya tersedia bagi cakera DVD dan Blu-ray berkod Dolby.

Rangkaian (pemasangan, status...)

- 1 Tekan
- 2 Pilih **[Persediaan]** > **[Rangkaian]** untuk mengakses pilihan persediaan rangkaian.

- **[Pemasangan rangkaian]**: Mulakan pemasangan berwayar atau wayarles agar rangkaian berfungsi.
- **[Lihat tetapan rangkaian]**: Paparkan status rangkaian semasa.
- **[Lihat tetapan wayarles]**: Paparkan status Wi-Fi semasa.

Keutamaan (bahasa, kawalan ibu bapa...)

- 1 Tekan
- 2 Pilih **[Persediaan]** > **[Keutamaan]** untuk mengakses pilihan persediaan keutamaan.
 - **[Bahasa menu]**: Pilih bahasa menu paparan atas skrin.
 - **[Audio]**: Pilih bahasa audio untuk video.
 - **[Sari kata]**: Pilih bahasa sari kata untuk video.
 - **[Menu cakera]**: Pilih bahasa menu untuk cakera video.
 - **[Kawalan ibu bapa]**: Menghadkan akses kepada cakera yang dikodkan dengan pengedaran. Masukkan "0000" untuk mengakses pilihan pengehadan. Untuk memainkan semua cakera tanpa mengira pengedaran, pilih tahap "8".
 - **[Penyelamat skrin]**: Dayakan atau nyahdaya mod gambar skrin. Jika didayakan, skrin memasuki mod melahu selepas 10 minit tanpa aktiviti (contohnya, dalam mod jeda atau henti).
 - **[Anjak sari kata automatik]**: Dayakan atau nyahdaya anjakan sari kata. Jika didayakan, kedudukan sari kata ditukar secara automatik untuk muat pada skrin TV (ciri ini berfungsi pada TV Philips yang tertentu sahaja).
 - **[Tukar kata laluan]**: Tetapkan atau tukar kata laluan anda untuk memainkan cakera terhad. Masukkan "0000" jika anda tidak mempunyai kata laluan atau anda terlupa kata laluan anda.

- **[Panel paparan]:** Ubah kecerahan panel paparan pemain.
- **[Auto siap sedia]:** Dayakan atau nyahdayakan siap sedia automatik. Jika didayakan, pemain beralih kepada siap sedia selepas tiada aktiviti selama 30 minit (contohnya, dalam mod jeda atau henti).
- **[VCD PBC]:** Paparkan atau langkai menu kandungan bagi VCD dan SVCD.

Catatan

- Jika bahasa cakera, audio atau sari kata yang anda kehendaki tidak tersedia, anda boleh memilih **[Lain-lain]** daripada pilihan menu dan memasukkan kod bahasa 4 digit yang boleh didapati pada bahagian belakang manual ini.
- Jika anda memilih bahasa yang tidak tersedia pada cakera, pemain ini akan menggunakan bahasa lalai cakera tersebut.

- **[Maklumat versi]:** Paparkan versi perisian pemain ini.
- **[Kembalikan tetapan lalai]:** Tetapkan semula pemain ini kepada tetapan lalai yang dibuat di kilang, kecuali kata laluan dan tahap kawalan ibu bapa.

Catatan

- Anda tidak boleh menghadkan akses Internet pada cakera Blu-ray komersil.
- Sebelum membeli video DivX dan memainkannya pada pemain ini, daftarkan pemain ini pada www.divx.com menggunakan kod DivX VOD.

Pilihan lanjutan (kosongkan memori...)

- 1 Tekan **▲**.
- 2 Pilih **[Persediaan] > [Lanjutan]** untuk mengakses pilihan persediaan lanjutan.
 - **[Keselamatan BD-Live]:** Sekat atau benarkan akses kepada BD-Live (hanya bagi cakera BD-Live bukan komersil dan yang dibuat oleh pengguna).
 - **[Mod gabung turun]:** Kawal output stereo audio 2 saluran.
 - **[Kemas kini perisian]:** Pilih **>** untuk mengemas kini perisian daripada rangkaian atau peranti storan USB.
 - **[Kosongkan memori]:** Padam muat turun BD-Live yang terdahulu pada peranti storan USB. Folder "BUDA" dibuat secara automatik untuk menyimpan muat turun BD-Live.
 - **[Kod VOD DivX®]:** Paparkan kod pendaftaran atau kod pembatalan pendaftaran DivX® bagi pemain ini.

4 Kemas kinikan perisian

Sebelum anda mengemas kini perisian pemain ini, semak versi perisian yang sedia ada:

- Tekan **▲**, lalu pilih **[Persediaan]** > **[Lanjutan]** > **[Maklumat versi]**, dan tekan **OK**.

Kemas kini perisian melalui Internet

- 1 Sambung pemain kepada Internet (lihat "Sediakan rangkaian").
- 2 Tekan **▲**, dan pilih **[Persediaan]**.
- 3 Pilih **[Lanjutan]** > **[Kemas kini perisian]** > **[Rangkaian]**.
 - ↳ Jika naik taraf media dikesan, anda akan digesa untuk memulakan kemas kini.
- 4 Ikut arahan pada skrin TV untuk mengemas kini perisian.
 - ↳ Apabila kemas kini perisian selesai, pemain ini secara automatik akan dimatikan dan dihidupkan semula.

Kemas kinikan perisian melalui USB

- 1 Semak versi perisian yang terbaru di www.philips.com/support.
 - Cari model anda dan klik pada "Perisian dan pemacu".
- 2 Muat turun perisian ke dalam peranti storan USB.
 - ① Nyahzip fail yang dimuat turun, dan pastikan folder yang dinyahzip diberi nama "UPG_ALL".

- ② Letakkan folder "UPG_ALL" dalam direktori induk.

- 3 Sambung peranti storan USB pada penyambung **⚡** (USB) pada pemain ini.
- 4 Tekan **▲**, dan pilih **[Persediaan]**.
- 5 Pilih **[Lanjutan]** > **[Kemas kini perisian]** > **[USB]**.
 - ↳ Jika naik taraf media dikesan, anda akan digesa untuk memulakan kemas kini.
- 6 Ikut arahan pada skrin TV untuk mengemas kini perisian.
 - ↳ Apabila kemas kini perisian selesai, pemain ini secara automatik akan dimatikan dan dihidupkan semula.

Awas

- Jangan matikan bekalan kuasa atau tanggalkan peranti storan USB semasa kemas kini perisian sedang dijalankan kerana anda mungkin boleh merosakkan pemain ini.

5 Spesifikasi



Catatan

- Spesifikasi boleh ditukar tanpa notis.

Kod rantau

Anda boleh memainkan cakera yang mempunyai kod rantau berikut.

DVD	Blu-ray	Negara
 		Asia Pasifik, Taiwan, Korea

Media boleh main

- BD-Video, BD 3D
- DVD-Video, DVD+R+RW, DVD-R/-RW, DVD+R/-R DL (Dual Layer)
- VCD/SVCD
- CD audio, CD-R/CD-RW, media MP3, media WMA, fail JPEG
- Media DivX (Ultra)/DivX Plus HD, media MKV
- peranti storan USB

Format fail

- Video: .avi, .divx, .mp4, .mkv, .rmvb, .rm
- Audio: .mp3, .wma, .wav
- Gambar: .jpg, .gif, .png

Video

- Sistem isyarat: PAL / NTSC
- Output HDMI: 480i/576i, 480p/576p, 720p, 1080i, 1080p, 1080p/24Hz

Audio

- Output HDMI
- Output digital: 0.5 Vp-p (75 ohm)
 - Sepaksi (Coaxial)
- Frekuensi pensampelan:
 - MP3: 32 kHz, 44.1 kHz, 48 kHz
 - WMA: 44.1 kHz, 48 kHz
- Kadar bit tetap:
 - MP3: 112 kbps - 320 kbps
 - WMA: 48 kbps - 192 kbps

USB

- Keserasian: USB Kelajuan tinggi (2.0)
- Sokongan kelas: Kelas Penyimpanan Massa USB
- Sistem fail: FAT16, FAT32
- Pangkalan USB: 5V \equiv , 500mA
- HDD sokongan (pemacu cakera keras mudah alih): sumber kuasa luaran mungkin diperlukan.

Unit utama

- Pengedaran bekalan kuasa: AC 110-240V~, 50/60 Hz
- Penggunaan kuasa: 11 W
- Penggunaan kuasa dalam mod siap sedia: < 1 W
- Dimensi (l x t x d): 310 x 40 x 203 (mm)
- Berat Bersih: 1.1 kg

Aksesori yang dibekalkan

- Kawalan jauh dan 2 bateri AAA
- Kabel kuasa AC
- Kabel HDMI
- Manual pengguna

Aksesori pilihan

- Penyesuai wayarles Wi-Fi USB Philips (yang dinamakan WUB1110, dijual berasingan)
 - Sambungan multimedia: Wi-Fi 802.11b/g/n
 - Kesambungan: USB
 - Suhu sekeliling: 5 darjah C hingga 40 darjah C.
 - Dimensi dongle (L x T x D): 28.4 x 82 x 13.4 mm

Spesifikasi Laser

- Jenis Laser (Diod): AlGaInN (BD), AlGaInP (DVD/CD)
- Panjang gelombang: 405+7nm/-7nm (BD), 660+4nm/-10nm (DVD), 790+6/-6nm (CD)
- Kuasa output: 1mW (BD), 0.3mW (DVD), 0.28mW (CD)

6 Menyelesaikan masalah



Amaran

- Risiko kejutan elektrik. Jangan keluarkan sarung pemain ini.

Supaya jaminan tetap sah, jangan cuba baiki pemain ini sendiri.

Jika anda mempunyai masalah menggunakan pemain ini, periksa perkara yang berikut sebelum anda memohon servis. Jika anda masih mempunyai masalah, daftarkan pemain anda dan dapatkan sokongan di www.philips.com/support. Jika anda menghubungi Phillips, anda akan diminta untuk memberikan nombor model dan nombor siri pemain ini. Nombor model dan nombor siri terletak pada bahagian belakang pemain ini. Tulis nombor tersebut di sini:

No. Model _____

No. Siri _____

Unit utama

Butang pada pemain ini tidak berfungsi.


- Tanggalkan sambungan pemain ini daripada bekalan kuasa buat beberapa minit, dan kemudian sambung semula.

Gambar

Tiada gambar.

- Pastikan TV dialihkan ke input sumber yang betul bagi pemain ini. .

Tiada gambar pada sambungan HDMI.

- Pastikan kabel HDMI tidak rosak. Jika ia rosak, ganti dengan kabel HDMI yang baru.
- Pada unit kawalan jauh, tekan  dan kemudian tekan "731" (butang angka) untuk memulihkan paparan gambar. Atau tunggu selama 10 saat untuk pemulihan automatik.

- Jika pemain ini disambung dengan kabel HDMI kepada peranti paparan yang tidak diluluskan, isyarat audio/video mungkin tidak akan keluar.

Cakera tidak memainkan video definisi tinggi.

- Pastikan cakera mengandungi video definisi tinggi.

Bunyi

Tiada output audio daripada TV.

- Pastikan TV dialihkan ke input sumber yang betul bagi pemain ini.

Tiada output audio daripada pembesar suara pada peranti audio luaran (teater rumah atau amplifier).

- Alihkan peranti audio luaran kepada input sumber audio yang betul.

Tiada bunyi pada sambungan HDMI.

- Anda mungkin tidak mendengar sebarang bunyi daripada output HDMI jika peranti yang bersambung tidak mematuhi HDCP atau hanya serasi DVI.

Tiada output audio kedua untuk ciri Gambar-dalam-Gambar.

- Apabila [**Strim Bit**] di bawah [**Audio HDMI**] atau menu [**Audio Digital**] dipilih, bunyi interaktif seperti bunyi kedua untuk ciri Gambar-dalam-Gambar dibisukan. Nyahpilih [**Strim Bit**].

Main

Tidak dapat memainkan cakera.

- Bersihkan cakera.
- Pastikan bahawa cakera dimuat dengan betul.
- Pastikan bahawa pemain ini menyokong cakera. Lihat "Spesifikasi".
- Pastikan bahawa pemain ini menyokong kod rantau DVD atau BD.
- Bagi DVD±RW atau DVD±R, pastikan cakera telah dimuktamadkan.

Fail video DivX tidak dapat dimainkan.

- Pastikan fail video DivX lengkap.
- Pastikan nama sambungan fail video adalah betul.

Sari kata DivX tidak dipaparkan dengan betul.

- Pastikan fail sari kata mempunyai nama fail yang betul-betul sama dengan fail video DivX.
- Pastikan bahawa fail sari kata mempunyai nama sambungan yang disokong oleh pemain ini (.srt, .sub, .txt, .ssa, or .smi).

Tidak dapat membaca kandungan storan USB yang bersambung.

- Pastikan bahawa format peranti storan USB serasi dengan pemain ini.
- Pastikan bahawa sistem fail pada peranti storan USB disokong oleh pemain ini.
- Bagi HDD USB (pemacu cakera keras mudah alih), sumber kuasa luaran mungkin diperlukan.

Tanda 'Tiada entri' atau 'x' muncul pada TV.

- Operasi tidak boleh dijalankan.

Ciri EasyLink tidak berfungsi.

- Pastikan bahawa pemain ini disambungkan ke TV EasyLink jenama Philips, dan pilihan EasyLink dihidupkan (lihat "Gunakan pemain cakera/ DVD Blu-ray anda" > "Gunakan Philips EasyLink").

Saya tidak dapat mengakses ciri BD-Live.

- Pastikan bahawa pemain ini disambungkan kepada rangkaian (lihat "Gunakan cakera Blu-ray/ pemain DVD anda" > "Sediakan rangkaian").
- Pastikan bahawa pemasangan rangkaian dibuat (lihat "Gunakan cakera Blu-ray/ pemain DVD anda" > "Sediakan rangkaian").
- Pastikan bahawa cakera Blu-ray menyokong ciri BD-Live.
- Kosongkan storan memori (lihat "Tukar tetapan" > "Pilihan lanjutan (keselamatan BD-Live, kosongkan memori...)").

Rangkaian**Rangkaian wayarles tidak didapati atau terherot.**

- Pastikan bahawa rangkaian telah disambungkan dengan betul (lihat "Gunakan cakera Blu-ray/ pemain DVD anda" > "Sediakan rangkaian").
- Pastikan bahawa pemasangan rangkaian dibuat (lihat "Gunakan cakera Blu-ray/ pemain DVD anda" > "Sediakan rangkaian").
- Pastikan bahawa rangkaian wayarles tidak diganggu oleh ketuhar gelombang mikro, telefon DECT, atau peranti Wi-Fi yang berdekatan.
- Jika rangkaian wayarles tidak berfungsi dengan betul, cuba pemasangan rangkaian berwayar: (lihat "Gunakan cakera Blu-ray/ pemain DVD anda" > "Sediakan rangkaian").

Video 3D**Tidak dapat melihat kesan 3D**

- Pastikan output 3D dihidupkan (lihat "Gunakan cakera Blu-ray/ pemain DVD anda" > "Mainkan video 3D Blu-ray").
- Pastikan bahawa tajuk cakera yang dimainkan adalah patuh 3D Blu-ray.
- Pastikan bahawa TV adalah patuh 3D dan HDMI, dan TV ditetapkan kepada mod 3D (rujuk kepada manual pengguna TV).
- Pastikan bahawa kaca mata 3D diaktifkan (rujuk kepada manual pengguna TV).

7 Notis keselamatan penting

Baca dan fahami semua arahan sebelum anda menggunakan cakera Blu-ray/ pemain DVD ini. Jika kerosakan terjadi disebabkan oleh kegagalan mematuhi arahan, jaminan tidak dikenakan.

Keselamatan

Risiko kejutan elektrik atau kebakaran!

- Jangan sekali-kali dedahkan produk dan aksesori kepada hujan atau air. Jangan sekali-kali letakkan bekas cecair, seperti pasu, hampir dengan produk. Jika cecair tertumpah pada atau ke dalam produk, putuskan sambungan dengan alur keluar kuasa dengan serta merta. Hubungi Penjagaan Pelanggan Philips agar produk diperiksa sebelum digunakan.
- Jangan sekali-kali letakkan produk dan aksesori berhampiran nyalaan terbuka atau sumber haba lain, termasuk cahaya matahari langsung.
- Jangan sekali-kali masukkan objek ke dalam slot pengalihan atau bukaan lain pada teater rumah.
- Apabila plag sesalurkuasa atau pengganding perkakas digunakan sebagai peranti putus sambungan, peranti putus sambungan tersebut akan tetap sedia beroperasi.
- Bateri (pek bateri atau bateri yang dipasang) tidak boleh didedahkan kepada haba yang melampau seperti cahaya matahari, api atau sebagainya.
- Putuskan sambungan produk daripada alur keluar kuasa jika berlaku ribut petir.
- Apabila anda memutuskan sambungan kord kuasa, sentiasa tarik palamnya, dan bukan kabelnya.

Risiko litar pintas atau kebakaran!

- Sebelum anda menyambungkan produk kepada alur keluar kuasa, pastikan bahawa voltan kuasa sepadan dengan nilai yang dicetak di belakang atau bahagian bawah produk tersebut. Jangan sekali-kali sambungkan produk kepada alur keluar kuasa jika voltannya berbeza.

Risiko kecederaan atau kerosakan terhadap produk!

- Sinaran laser boleh nampak dan tak nampak apabila dibuka. Elakkan pendedahan kepada pancaran.
- Jangan sentuh kanta optik cakera di dalam petak cakera.
- Jangan sekali-kali letakkan produk atau sebarang objek pada kord kuasa atau kelengkapan elektrik yang lain.
- Jika produk diangkut dalam suhu di bawah 5°C, buka bungkusan produk dan tunggu sehingga suhunya sepadan dengan suhu bilik sebelum menyambungkannya dengan alur keluar kuasa.

Risiko pemanasan melampau!

- Jangan pasang produk dalam ruangan terkurung. Sentiasa tinggalkan ruang sekurang-kurangnya 4 inci di sekeliling produk untuk pengalihan udara. Pastikan langsir atau objek lain tidak menutup slot pengalihan udara pada produk.

Risiko pencemaran!

- Jangan campurkan bateri (lama dan baru atau karbon dan alkali, dll.).
- Keluarkan bateri jika telah kehabisan atau jika kawalan jauh tidak akan digunakan buat tempoh masa yang lama.
- Bateri mengandungi bahan kimia, jadi ia hendaklah dilupuskan dengan betul.

Risiko tertelan bateri!

- Produk/alat kawalan jauh mungkin mengandungi bateri jenis syiling, yang boleh ditelan.
- Jauhkan bateri daripada jangkauan kanak-kanak pada setiap masa!



**CLASS 1
LASER PRODUCT**

Amaran kesihatan bagi 3D

- Jika anda atau keluarga anda mempunyai sejarah mengalami epilepsi atau sawan fotosensitif, jumpalah doktor sebelum mendedahkan diri anda kepada sumber cahaya berkelip, jujukan imej deras atau tontonan 3D.
- Untuk mengelakkan ketidakselesaan seperti pening, sakit kepala atau disorientasi, kami mengesyorkan agar anda tidak menonton 3D dalam tempoh masa yang panjang. Jika anda mengalami sebarang ketidakselesaan, hentikan menonton 3D dan jangan dengan serta merta melakukan perkara yang mungkin berbahaya (seperti memandu kereta) sehingga gejala telah hilang. Jika gejala berterusan, jangan teruskan menonton 3D tanpa merujuk kepada doktor terlebih dahulu.
- Ibu bapa hendaklah mengawasi anak mereka ketika menonton 3D dan memastikan mereka tidak mengalami ketidakselesaan seperti yang disebutkan di atas. Menonton 3D tidak disyorkan bagi kanak-kanak di bawah umur 6 tahun kerana sistem penglihatan mereka masih belum lagi berkembang dengan sempurna.

Jagaan produk anda

- Jangan letakkan sebarang objek selain daripada cakera ke dalam petak cakera.
- Jangan masukkan cakera yang meleding atau merekah ke dalam petak cakera.

- Keluarkan cakera daripada petak cakera jika anda tidak menggunakan produk untuk tempoh masa yang lama.
- Hanya gunakan kain mikrogentian untuk membersihkan produk.

Jagaan alam sekitar



Produk anda direka bentuk dan dikilangkan dengan menggunakan bahan dan komponen yang berkualiti tinggi, yang boleh dikitar semula dan digunakan semula.

Jangan buang produk anda dengan buangan isi rumah yang lain. Sila ambil tahu tentang peraturan tempatan mengenai pengumpulan berasingan produk elektrik dan elektronik dan bateri. Pembuangan produk ini dengan cara yang betul akan membantu mencegah kemungkinan akibat negatif terhadap alam sekitar dan kesihatan manusia.

Produk anda mengandungi bateri, yang tidak boleh dibuang bersama buangan isi rumah yang biasa.

Sila ambil tahu tentang peraturan tempatan mengenai pengumpulan berasingan bateri. Cara membuang bateri yang betul akan membantu mencegah kemungkinan akibat negatif terhadap alam sekitar dan kesihatan manusia.

Sila lawati www.recycle.philips.com untuk maklumat tambahan mengenai pusat kitaran semula di kawasan anda.

Pematuhan



Ini adalah perkakas CLASS II dengan penebatan berganda, dan tiada perlindungan pembumian dibekalkan.

Hak cipta



Be responsible
Respect copyrights

Produk ini mengandungi teknologi perlindungan hak cipta yang dilindungi oleh paten AS dan hak harta intelek lain Rovi Corporation. Kejuruteraan undur dan penyahhimpunan adalah dilarang.

Produk ini termasuk teknologi proprietari dengan kebenaran daripada Verance Corporation dan dilindungi oleh Paten AS 7,369,677 dan paten seluruh dunia lain yang telah dikeluarkan dan yang belum selesai, di samping perlindungan hak cipta dan rahsia dagangan bagi aspek tertentu teknologi tersebut. Cinavia adalah tanda dagangan Verance Corporation. Hak Cipta 2004-2010 Verance Corporation. Semua hak terpelihara bagi Verance. Kejuruteraan balikan atau pembukaan pemasangan adalah dilarang.

Notis Cinavia

Produk ini menggunakan teknologi Cinavia untuk menghehadkan penggunaan salinan tanpa izin beberapa filem dan video serta trek bunyinya yang diterbitkan secara dagangan. Apabila penggunaan salinan yang dilarang dikesan, mesej akan dipaparkan dan main semula atau penyalinan akan terganggu. Maklumat lanjut mengenai teknologi Cinavia ada disediakan oleh Pusat Maklumat Pengguna Cinavia Dalam Talian di <http://www.cinavia.com>. Untuk memohon maklumat tambahan mengenai Cinavia melalui pos, hantarkan poskad berserta alamat pos anda ke: Cinavia Consumer Information Center, P.O. Box 86851, San Diego, CA, 92138, USA.

Perisian sumber terbuka

Philips Electronics Hong Kong Ltd. dengan ini menawarkan untuk menghantar, apabila diminta, salinan kod sumber lengkap yang sepadan bagi pakej perisian sumber terbuka berhak cipta yang digunakan dalam produk ini yang baginya

tawaran seumpama ini diminta oleh lesen yang berkaitan.

Tawaran ini sah sehingga tiga tahun selepas pembelian produk kepada sesiapa sahaja yang menerima maklumat ini. Untuk mendapatkan kod sumber; sila hubungi open_source@philips.com. Jika anda lebih suka untuk tidak menggunakan e-mel atau jika anda tidak menerima pengesahan penerimaan dalam masa seminggu selepas menulis ke alamat e-mel ini, sila hantar surat kepada "Open Source Team, Philips Intellectual Property & Standards, P.O. Box 220, 5600 AE Eindhoven, The Netherlands." Jika anda tidak menerima pengesahan penerimaan surat anda pada masa yang sepatutnya, sila hantar e-mel ke alamat e-mel di atas.

Nota kepada Pengguna Akhir :

Dengan menggunakan produk ini dengan perisian dan perkhidmatan RealNetworks, pengguna akhir bersetuju dengan syarat-syarat REALNETWORKS, INC yang berikut:

- Pengguna Akhir hanya boleh menggunakan perisian ini untuk kegunaan sendiri dan bukan komersil seperti pada terma Perjanjian Lesen Pengguna Akhir (EULA) RealNetworks.
- Pengguna Akhir tidak dibenarkan untuk mengubah suai, menterjemah, menyahhimpun, atau menggunakan cara lain untuk mendapatkan kod sumber atau sebaliknya mereplikakan kefungsi Kod Pelanggan Format Sebenar; kecuali setakat mana sekatan ini dilarang secara jelas oleh undang-undang yang dikenakan.
- RealNetworks Inc. menafikan semua waranti dan syarat selain yang dijelaskan dalam Perjanjian ini yang sebagai ganti kepada semua waranti lain, sama ada tersurat atau tersirat, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang waranti atau syarat tersirat bagi kebolehdagangan dan kesesuaian kepada maksud tertentu, dan sebenarnya mengecualikan semua liabiliti bagi ganti rugi tak langsung, khusus,

sampingan dan lanjutan, seperti tetapi tidak terhad kepada, kehilangan keuntungan.

Tanda dagangan



'Blu-ray™', 'Blu-ray Disc™', logo 'Blu-ray Disc™', 'Blu-ray 3D™' dan logo 'Blu-ray 3D™' adalah tanda dagangan Blu-ray Disc Association.



HDMI, dan logo HDMI, dan High-Definition Multimedia Interface adalah tanda dagangan atau tanda dagangan berdaftar bagi LLC yang melesenkan HDMI di Amerika Syarikat dan negara-negara lain.



Dikilangkan di bawah lesen daripada Dolby Laboratories. Dolby dan simbol D berganda adalah tanda dagangan Dolby Laboratories.



Dikilangkan di bawah lesen Paten A.S. No: 5,956,674; 5,974,380; 6,487,535 & paten A.S. dan seluruh dunia yang lain yang telah dikeluarkan & yang masih menunggu kelulusan. DTS, Simbol, & DTS dan Simbolnya bersama-sama adalah tanda dagangan berdaftar & DTS 2.0+Digital Out adalah tanda dagangan DTS, Inc. Produk termasuk perisian. © DTS, Inc. Hak Cipta Terpelihara.



TENTANG DIVX VIDEO: DivX® adalah format video digital yang dicipta oleh DivX, LLC, subsidiari Rovi Corporation. Ini adalah peranti rasmi DivX Certified® yang memainkan video DivX. Lawati www.divx.com untuk mendapatkan maklumat lanjut dan alat perisian untuk menukar fail anda menjadi video DivX. MENGENAI VIDEO ATAS PERMINTAAN DIVX: Peranti DivX Certified® ini mestilah didaftarkan sebelum ia dapat memainkan filem Video atas Permintaan (VOD) DivX. Untuk mendapatkan kod pendaftaran anda, cari bahagian DivX VOD dalam menu persediaan peranti anda. Pergi ke vod.divx.com untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai cara menyelesaikan pendaftaran anda. DivX Certified® untuk mainkan video DivX® dan DivX Plus® HD (H 264/MKV) sehingga 1080p HD termasuk kandungan premium. DivX®, DivX Certified®, DivX Plus® HD dan logo yang berkaitan adalah tanda dagangan Rovi Corporation atau subsidiarinya dan digunakan di bawah lesen.



BONUSVIEW™

'BD LIVE™' dan 'BONUSVIEW™' adalah tanda dagangan Persatuan Blu-ray Disc.



'DVD Video' adalah tanda dagangan DVD Format/Logo Licensing Corporation.



RealNetworks, Real, logo Real, RealPlayer, dan logo RealPlayer adalah tanda dagangan berdaftar RealNetworks, Inc.



Java dan semua tanda dagangan serta logo Java yang lain adalah tanda dagangan atau tanda dagangan berdaftar Sun Microsystems, Inc. di Amerika Syarikat dan/atau negara lain.

Language Code

Abkhazian	6566	Inupiaq	7375	Pushto	8083
Afar	6565	Irish	7165	Russian	8285
Afrikaans	6570	Íslenska	7383	Quechua	8185
Amharic	6577	Italiano	7384	Raeto-Romance	8277
Arabic	6582	Ivrit	7269	Romanian	8279
Armenian	7289	Japanese	7465	Rundi	8278
Assamese	6583	Javanese	7486	Samoan	8377
Avestan	6569	Kalaallisut	7576	Sango	8371
Aymara	6589	Kannada	7578	Sanskrit	8365
Azerhijani	6590	Kashmiri	7583	Sardinian	8367
Bahasa Melayu	7783	Kazakh	7575	Serbian	8382
Bashkir	6665	Kernewek	7587	Shona	8378
Belarusian	6669	Khmer	7577	Shqip	8381
Bengali	6678	Kinyarwanda	8287	Sindhi	8368
Bihari	6672	Kirghiz	7589	Sinhalese	8373
Bislama	6673	Komi	7586	Slovensky	8373
Bokmål, Norwegian	7866	Korean	7579	Slovenian	8376
Bosanski	6683	Kuanyama; Kwanyama	7574	Somali	8379
Brezhoneg	6682	Kurdish	7585	Sotho; Southern	8384
Bulgarian	6671	Lao	7679	South Ndebele	7882
Burmese	7789	Latina	7665	Sundanese	8385
Castellano, Español	6983	Latvian	7686	Suomi	7073
Catalán	6765	Letzeburgesch;	7666	Swahili	8387
Chamorro	6772	Limburgan; Limburger	7673	Swati	8383
Chechen	6769	Lingala	7678	Svenska	8386
Chewa; Chichewa; Nyanja	7889	Lithuanian	7684	Tagalog	8476
中文	9072	Luxembourgish;	7666	Tahitian	8489
Chuang; Zhuang	9065	Macedonian	7775	Tajik	8471
Church Slavic; Slavonic	6785	Malagasy	7771	Tamil	8465
Chuvash	6786	Magyar	7285	Tatar	8484
Corsican	6779	Malayalam	7776	Telugu	8469
Česky	6783	Maltese	7784	Thai	8472
Dansk	6865	Manx	7186	Tibetan	8679
Deutsch	6869	Maori	7773	Tigrinya	8473
Dzongkha	6890	Marathi	7782	Tonga (Tonga Islands)	8479
English	6978	Marshallese	7772	Tsonga	8483
Esperanto	6979	Moldavian	7779	Tswana	8478
Estonian	6984	Mongolian	7778	Türkçe	8482
Euskara	6985	Nauru	7865	Turkmen	8475
Ελληνικά	6976	Navaho; Navajo	7886	Twi	8487
Faroese	7079	Ndebele, North	7868	Uighur	8571
Français	7082	Ndebele, South	7882	Ukrainian	8575
Frysk	7089	Ndonga	7871	Urdu	8582
Fijian	7074	Nederlands	7876	Uzbek	8590
Gaelic; Scottish Gaelic	7168	Nepali	7869	Vietnamese	8673
Galleghan	7176	Norsk	7879	Volapuk	8679
Georgian	7565	Northern Sami	8369	Walloon	8765
Gikuyu; Kikuyu	7573	North Ndebele	7868	Welsh	6789
Guarani	7178	Norwegian Nynorsk;	7878	Volof	8779
Gujarati	7185	Occitan; Provençal	7967	Xhosa	8872
Hausa	7265	Old Bulgarian; Old Slavonic	6785	Yiddish	8973
Herero	7290	Oriya	7982	Yoruba	8979
Hindi	7273	Oromo	7977	Zulu	9085
Hiri Motu	7279	Ossetian; Ossetic	7983		
Hrvatski	6779	Pali	8073		
Ido	7379	Panjabi	8065		
Interlingua (International)	7365	Persian	7065		
Interlingue	7365	Polski	8076		
Inuktitut	7385	Português	8084		



Specifications are subject to change without notice
© 2012 Koninklijke Philips Electronics N.V.
All rights reserved.

BDP2980_98_UM_V1.0

